



# UiTM sedia laksana pembelajaran dalam talian hingga 60 peratus

Oleh [Irwan Shafrizan Ismail](#) - Januari 11, 2023 @ 4:44pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Pintu masuk utama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam

PUTRAJAYA: Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersedia melaksana syor supaya institusi pengajian tinggi (IPT) mengoptimumkan pembelajaran dalam talian sehingga 60 peratus daripada komponen pengajian.

Naib Canselor UiTM, Prof Dr Ts Datuk Roziah Mohd Janor, berkata bagi memastikan mod pengajian itu diubah, semakan ko-kurikulum juga perlu dilakukan pihaknya.

"Jika Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyarankan dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memberi laluan, kami di UiTM sudah sedia.

"Cuma perlu melalui semakan kurikulum jugalah agar mod pengajian itu diubah dan seperti dinyatakan MQA, bukanlah semua program boleh dijalankan sepenuhnya hibrid," katanya kepada BH hari ini.

Roziah berkata, bagi pelajar yang kurang berkemampuan, perlu juga difikirkan soal untuk memudahkan mereka mendapat capaian internet.

"Cuma UiTM perlu sediakan kemudahan kolej kepada pelajar yang kurang mampu untuk dapat capaian internet.

"UiTM sudah ada sistem Ufuture yang kita bangun sendiri sebenarnya dan itulah yang kita guna ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dahulu," katanya.

Semalam, Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata pelajar IPT berpotensi mengikuti pengajian dari rumah hampir separuh tempoh pengajian sekiranya IPT mengoptimumkan pembelajaran dalam talian sehingga 60 peratus daripada komponen pengajian.

Beliau berkata, fleksibiliti itu dipertimbang untuk diberikan kepada pelajar IPT sebagai satu daripada langkah bagi menarik minat lepasan sekolah menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Katanya, idea itu dicetuskan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika sesi taklimat MQA semalam.

Mohammad Shatar berkata, selain menjimatkan kos sara hidup pelajar, kaedah itu juga mengurangkan kos operasi IPT kerana pelajar boleh belajar dua tahun dari rumah.

Katanya, bukan semua program atau kursus di universiti sesuai menggunakan kaedah berkenaan, namun IPT boleh menyelaraskannya mengikut kewajaran dan keperluan di IPT masing-masing.